

10/02/2001

Salah faham kerana tergelincir

Anak Watan

PELBAGAI cerita dan tafsiran dicetuskan daripada perhimpunan Badan Bertindak Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, minggu lalu.

Kehadiran dua ahli Majlis Tertinggi Umno yang juga Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Mohd Khalid Yunus dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Suleiman Mohamad, mencetuskan pelbagai tafsiran.

Pelbagai tafsiran itu mungkin tidak timbul jika perhimpunan itu tidak tergelincir daripada tujuan asalnya iaitu mencari jalan menyatupadukan orang Melayu.

Saya percaya kedua-dua pemimpin itu tahu mengapa dan kenapa mereka menyertai badan itu.

Namun mereka mungkin tidak berupaya untuk 'mengawal' rakan mereka apabila berucap.

Ini dapat dilihat daripada ucapan mereka yang hanya berkisar kepada soal sejarah, perpaduan Melayu dan hasil daripada perpaduan Melayu itu.

Saya kenal benar dengan kedua-dua pemimpin itu, baik dari sikap mereka terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau tanggungjawab untuk memelihara kepentingan kerajaan.

Sebagai seorang Islam, kita semua yakin bahawa manusia hanya mampu merancang dan Allah yang menentukan segalanya.